

DATE: 23 / 03 / 2008

Demonstrasi pilihan terakhir – Pemuda UMNO

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

BUTTERWORTH 22 Mac – Pemuda UMNO negeri mungkin mengadakan demonstrasi sebagai jalan terakhir bagi mendesak kerajaan negeri memberi penjelasan mengenai langkah yang bakal diambil bagi membela nasib orang Melayu di Pulau Pinang.

Exco Pergerakan Pemuda, Marzuki Yahya berkata, ini kerana Ketua Menteri, Lim Guan Eng masih enggan menarik balik kenyataannya sebelum ini untuk menghapuskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di negeri itu.

Beliau berkata, adalah sesuatu yang malang jika Guan Eng cuba memperkecil-kecilkan peranan DEB kerana pemimpin DAP itu sepatutnya sedar bahawa dasar tersebut menguntungkan semua kaum di negara ini termasuk orang Cina.

“Saya tidak fikir UMNO akan lanjut bersuara sekiranya DAP tidak membangkitkan isu yang sangat sensitif ini, kalau mereka yang bermain api maka mereka jugalah yang kena padamkannya,” tegas beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Bagan Jermal di sini hari ini.

Guan Eng menerima kecaman ramai pihak termasuk pemimpin UMNO Pulau Pinang ekoran kenyataannya pada 11 Mac lalu yang secara

terbuka mengkritik amalan DEB yang didakwa menjadi punca kronisme, rasuah dan ketidakcekapan.

Polemik ekoran kenyataan pemimpin DAP itu semakin memuncak apabila lebih 3,000 orang termasuk pemimpin Melayu mengadakan demonstrasi secara aman mengutuk kenyataan Guan Eng di Komtar baru-baru ini.

Marzuki yang juga Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bagan berkata, Pemuda UMNO tidak akan berdiam diri selagi kerajaan negeri tidak menyatakan pendirian mereka dengan jelas berhubung isu ini.

“Kita bukan bercakap fasal perkara kecil, ini soal dasar nasional,” katanya.

Dasar itu juga katanya, menjadi antara mekanisme perpaduan selain membantu kerajaan persekutuan memberi pengagihan kekayaan negara secara saksama demi manfaat penduduk berbilang kaum termasuk di Pulau Pinang.

Beliau mempersoalkan di mana janji DAP ketika berkempen yang mahukan memansuhkan pembayaran tol di Plaza Tol Sungai Nyior dan sehingga hari ini pengguna jalan raya masih dikenakan bayaran tol sebanyak 50 sen.

“Rakyat Pulau Pinang masih menuntut janji DAP untuk memansuhkan bayaran tol 50 sen itu dan sehingga kini tiada satu pun janji dalam manifesto DAP dilaksanakan,” katanya.

UM - 27/3/2008



MARZUKI Yahaya (tengah) menyampaikan replika cek sumbangan Pemuda UMNO Bagan Jermal kepada Mokhtar Ismail sebagai wakil sekolah pada Mesyuarat PIBG Sekolah Kebangsaan Bagan Jermal di Butterworth, Pulau Pinang, semalam.